



TEKS UCAPAN ALUAN
YS PPjB MOHD ZAIDI BIN HJ. MA'AT
PENGARAH JBPM NEGERI MELAKA

SEMPENA
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN
BOMBA, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
TAHUN 2024, SIJIL PERKHIDMATAN TERPUJI PBB DAN SIJIL
PERKHIDMATAN 30 TAHUN, JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI MELAKA

PADA
15 APRIL 2025 (SELASA)

MASA
9.00 PAGI

TEMPAT
SWAN GARDEN RESORT HOTEL, MELAKA



Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis, PPgB Seri Tuti Hadayani binti Salleh dan PBK II (TBK II) Mohamad Safiee bin Mohamad Masrom dan terima kasih juga kepada al-Fadhil TPgB II PPgB Irman bin Ali, yang telah membacakan doa, memohon rahmat Allah ke atas majlis pada hari ini.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra,

Salam “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam Malaysia Madani,

YAS Dato' Ts. Nor Hisham Bin Mohammad

Ketua Pengarah, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

Yang Berusaha,

PgKB I R.Saiful Iswandy bin R.Hassan, Timbalan Pengarah, JBPM Negeri Melaka

Penolong-penolong Pengarah Bahagian, Ketua - Ketua Zon, Ketua - Ketua Balai,

Penerima-penerima Pingat Kebesaran Jabatan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Sijil Perkhidmatan Terpuji PBB dan Sijil Perkhidmatan 30 Tahun

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka, Wakil-wakil Media, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin serta hidayah-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam Dewan yang indah ini sempena Majlis Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Bomba, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024, Sijil Perkhidmatan Terpuji PBB dan Sijil Perkhidmatan 30 Tahun, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka yang akan disempurnakan sebentar lagi oleh YAS Dato'.
2. Saya juga ingi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan terima kasih kepada YAS Dato' diatas kesudian YAS Dato' untuk hadir di majlis ini walaupun kita tahu jadual YAS Dato' yang amat padat. Saya bagi pihak warga JBPM Melaka ingin menyampaikan jutaan terima kasih.

***Kuning Emas Masaknya Padi,
Mawar Merah Dalam Jambangan,
Terima Kasih daun Keladi,
Budi YAS Dato' Jadi Kenangan.***

YAS Dato' , tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

3. Majlis pada pagi ini merupakan satu penghargaan dan juga pengiktirafan kepada warga JBPM yang telah menunjukkan perkhidmatan cemerlang dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan dan yang lebih penting, memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan jabatan.
4. Dalam kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seramai 21 pegawai yang menerima Pingat Kebesaran Jabatan, 38 pegawai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2024, 1 orang penerima sijil Perkhidmatan 30 tahun dan Sijil Terpuji PBB seramai 10 orang. Apa yang diharapkan semoga khidmat bakti yang cemerlang

yang telah tuan-tuan dan puan-puan tunjukkan akan dijadikan contoh ikutan serta memberi pengaruh positif ke arah kecemerlangan jabatan ini keseluruhannya.

5. Diharap pengiktirafan yang diterima ini menjadi penyuntik semangat kepada kita semua untuk terus berusaha gigih memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia khasnya.

YAS Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

6. Penghargaan ini adalah insentif kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi kerja yang melebihi kebiasaan dan komitmen serta sumbangan tenaga dan masa semasa berkhidmat bersama Jabatan. Jabatan tidak pernah melupakan segala pengorbanan dan sumbangan tuan-tuan kepada jabatan selama ini. Oleh kerana hasil kerja dan sumbangan tuan-tuan yang dicurahkan selama inilah maka Jabatan kini setanding dengan mana-mana organisasi lain di dunia.
7. Sebagai anggota penjawat awam, kita harus sentiasa ingat bahawa segala proses kerja yang kita lakukan adalah dalam kanta mata masyarakat. Lebih-lebih lagi di era ICT yang mana maklumat dapat sampai dan disebarkan dalam sekelip mata sahaja. Oleh yang demikian, adalah mustahak pengamalan sifat integriti yang tinggi serta pematuhan terhadap etika kerja sentiasa diamalkan dalam apa jua tugas dan tanggungjawab yang kita laksanakan.
8. Justeru itu saya mengajak seluruh warga Bomba Negeri Melaka meneruskan tekad dan azam untuk sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, kerana kita semua adalah merupakan kakitangan Kerajaan dan perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Orang ramai menaruh harapan yang besar kepada tahap

keupayaan dan kemampuan jabatan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada mereka.

YAS Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin sekalian,

9. Kami sedar bahawa cabaran yang akan mendatang tentu lebih sukar dan lebih mencabar, dan setiap kejayaan ini juga tidak akan datang jika tidak ada sokongan daripada YAS Dato' dan Pengurusan Tertinggi JBPM. Sebelum saya akhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima.
10. Kepada YAS Dato' saya serta warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih diatas kesudian YAS Dato', untuk hadir bagi menyempurnakan majlis yang penuh bersejarah pada hari ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua yang hadir pada pagi ini. Tidak lupa juga kepada jawatankuasa penganjur dan semua pegawai yang terlibat kerana telah berjaya menganjurkan Majlis pada hari ini dengan jayanya.

***Rumah terbakar panggil bomba,
Bomba datang berlumba-lumba,
Silap dan salah menyusun kata,
Ampun dan maaf pohon dipinta,***

Sekian, saya sudahai dengan Wabillahitaufik Walhidayah,
Wassalammulaikum W.B.T.

Terima kasih